

LAPORAN KEMALANGAN BAS EKSPRES SELESAI DIBENTANG

KUALA LUMPUR - Laporan penuh kes kemalangan bas ekspres di Kilometer 137.3 Lebuhraya Utara Selatan berdekatan kawasan Rehat dan Rawat Pagoh, yang menyebabkan 14 maut dan 16 cedera pada Disember tahun lalu, dibentangkan di Parlimen pada 1 Mac lalu.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, analisa komprehensif telah dijalankan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (Miros) merangkumi empat aspek utama iaitu keadaan jalan dan persekitaran, pembinaan dan reka bentuk bas, operasi bas dan penguatkuasaan. "Laporan tersebut sudah siap dan menunggu kelulusan Kabinet untuk dihebahkan kepada orang ramai yang ingin mengetahui apakah hasil siasatan tersebut," katanya pada persidangan Dewan Negara semalam.

Beliau menjawab soalan Senator Datuk Yahya Mat Ghani mengenai langkah kerajaan bagi memastikan keselamatan penumpang bas terjamin, berikutan kekerapan kemalangan bas ekspres.

Tiong Lai berkata, penambahbaikan dalam empat aspek utama itu dikenal pasti dan pihaknya komited untuk meningkatkan perkhidmatan pengangkutan bas awam di negara ini serta mengambil pengajaran dari pelbagai insiden yang berlaku di jalan raya.

Menurutnya, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) juga menganjurkan Makmal Kerja Transformasi Bas Ekspres yang bermula 20 Februari hingga 7 April lalu, sebagai satu daripada usaha menambah baik operasi bas ekspres di negara ini. "Laporan kemalangan di Pagoh, Johor juga diguna pakai sebagai rujukan utama dalam menggaris transformasi industri bas di Malaysia," katanya.

Kemalangan kira-kira jam 3.30 pagi itu, melibatkan bas ekspres dalam perjalanan dari Johor Bahru ke Kuala Lumpur. – Bernama

SUMBER : SINAR HARIAN | M/S: 13 | 26 APRIL 2017